

08 MAY 2002

Mahathir-Lubnan (Bergambar)/I

LUBNAN AJAK MALAYSIA SERTAI PROGRAM PENSWASTAAN

PUTRAJAYA, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Lubnan telah menjemput Malaysia menyertai program penswastaan di negara itu.

Antara sektor yang dikenal pasti ialah telekomunikasi dan pembinaan hotel, kata beliau.

Beliau berkata pelabur Malaysia sepatutnya sudah menjalankan projek pembinaan hotel di negara Asia Barat itu tetapi krisis ekonomi dan kewangan serantau pada 1997 menghalang mereka daripada menceburi bidang pembangunan di negara berkenaan pada masa itu.

"Tetapi sekarang saya rasa masanya sudah tiba untuk pergi semula. Mereka menjemput kita untuk ikut serta (dalam program penswastaan)," kata beliau kepada pemberita selepas meraikan Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri pada majlis makan tengah hari di Seri Perdana.

Terdahulu kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan satu sama satu. Hariri tiba di sini semalam bersama-sama rombongan 51 anggota untuk melakukan lawatan tiga hari bertujuan mengukuhkan lagi hubungan antara Kuala Lumpur dan Beirut.

Dr Mahathir berkata industri perhotelan dan pelancongan sedang pesat berkembang di Lubnan ekoran serangan 11 Sept terhadap Amerika Syarikat kerana lebih banyak pelancong Arab tertumpu ke Lubnan dan semakin kurang yang ke US atau Eropah berbanding sebelum itu.

Beliau berkata syarikat-syarikat penerbangan di banyak negara Arab juga mengadakan penerbangan ke Lubnan.

"Dalam hal ini mungkin kita juga boleh mengkaji untuk melaksnakan dasar langit terbuka dengan mereka (Lubnan)," katanya.

Menurut Dr Mahathir, Lubnan juga boleh digunakan sebagai pusat pengedaran bagi produk dan barangan Malaysia ke negara yang bersempadan dan berjiran dengannya.

"Negara itu mempunyai rangkaian hubungan yang baik dengan Syria (di bahagian utara dan timur) dan dengan Iraq. Jadi kita sedang mengkaji perkara itu," katanya.

Ditanya mengenai penglibatan Petronas di Lubnan, Dr Mahathir berkata sebelum ini syarikat minyak nasional itu mempunyai sedikit kepentingan.

"Bagaimanapun sekarang kita kena melihat semula (tentang kemungkinan melabur di sana)," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata walaupun perdagangan antara kedua-dua negara sudah mencatat peningkatan, Lubnan berpendapat masih ada potensi luas dalam banyak lapangan lagi.

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Lubnan meningkat 24.9 peratus kepada US\$31.1 juta pada 2001 daripada US\$25 juta pada 2000. Tetapi jenis produk yang diperdagangkan sekarang masih lagi terhad.

Lubnan dengan keluasan 10,400 km persegi mempunyai kira-kira 4.3 juta penduduk. Eksport utamanya ialah barang manakan, tembakau, tekstil, kimia dan permata.

Lubnan mencapai kemajuan pesat daripada segi politik dan ekonomi ekoran tamatnya perang saudara yang berlarutan selama 16 tahun pada 1991.

-- BERNAMA

RV AHH NMO